

(03 Januari 2021) Harian Metro, p. 6

DUA HARI COVID-19 LEPASI ANGKA 4K

# LEDAKAN PANDEMIK GELOMBANG KETIGA

**4,029**

Rekod tertinggi kes jangkitan koronavirus di Malaysia



Kuala Lumpur

**D**ua hari mencatat kes baru positif Covid-19 sekitar empat ribu membenarkan unjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bahawa Malaysia berhadapan ledakan pandemik ketika Gelombang Ketiga membabit negara.

Ini ditunjukkan dengan rekod kes harian baru Covid-19 pada 16 Januari iaitu sebanyak 4,029 kes dan pada 20 Januari, sebanyak 4,008 kes.

Jumlah 4,029 kes adalah rekod tertinggi untuk Malaysia sejak kes pertama kali Covid-19 diumumkan di negara ini pada 25 Januari 2020. Tanggal 25 Januari 2021 ini, genap setahun Malaysia dibabai koronavirus maut ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah kelmarin berkata, "kita belum nampak lagi pengakhiran atau penghujung kepada perperangan ini (perang Covid-19)."

KKM juga dilaporkan berkemungkinan mencadangkan kepada kerajaan memperketatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP.2.0) yang dikuatkuasaan baru-baru ini.

Langkah ini dilihat amat perlu untuk menyekat ledakan kes harian baru, tambahan terdapat beberapa perayaan dijadual

disambut dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

KKM sebelum ini membuat unjuran untuk 4 Januari-31 Mei 2021 iaitu kes harian antara 3,000 (minggu kedua Februari 2021), 5,000 kes sehari (minggu kedua April 2021) dan 8,000 sehari (minggu keempat Mei 2021).

Unjuran tersebut berdasarkan R naught (RO) 1.1. RO merujuk kepada kebolehjangkitan sesuatu virus pada permulaan wabak dalam masyarakat.

Pengisytiharan Darurat bermula 12 Januari sehingga bulan Ogos 2021 serta pengukuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP.2.0) yang kini meliputi seluruh negara kecuali Sarawak diharap dapat melandaikan lengkungan jangkitan Covid-19 di negara ini.

Untuk rekod, kes baru harian sepanjang rangkuman mingguan, 4,029 kes (16 Januari), 3,339 kes (17 Januari), 3,306 kes (18 Januari), 3,631 kes (19 Januari), 4,008 kes (20 Januari) dan 3,170 kes (21 Januari).

PKP.2.0 untuk Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor, Kelantan dan Sabah yang dijadualkan berakhir 26 Januari dilanjutkan sehingga 4 Februari.

Sebelum ini pelaksanaan PKP selama dua minggu diisytihar untuk Perlis, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu dan Perlis, bermula Jumaat 22 Januari sehingga 4 Februari 2021.

Sarawak pula dikenakan PKP Bersyarat (PKPB), kecuali daerah Sibu yang

ORANG ramai beratur sambil menunggu giliran untuk menghantar borang pendaftaran Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) di pejabat Kompleks Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Labuan, semalam.

dijatkan di bawah PKP mulai 16 Januari hingga 29 Januari 2021.

Tempoh pelaksanaan PKP.2.0 ini amat kritikal untuk mengekang penularan pandemik Covid-19 daripada menjerumuskan negara kepada bencana lebih besar.

Dr Noor Hisham pada Selasa 19 Januari berkata, kes jangkitan baru Covid-19 negara (bermula dengan tiga kes pada 25 Januari 2020) kini melonjak kepada 172,549 kes.

Malaysia kini berada di tiga 60 dalam senarai

keberkesanan memutuskan rantaian jangkitan akan dapat dilihat dengan lebih



DR Noor Hisham

(23 Januari 2021) Harian Metro, p. 7



ANGGOTA Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memakai pakalan perlatan perlindungan peribadi (PPE) melakukan kerja sanitasi di ruang legar Kompleks Mahkamah Seremban, semalam.



ANGGOTA polis Mohd Arbiyan Ajimuddin Dahan, 33, membetulkan beret keriai memulakan sekatan jalan raya di Plaza Tol Kuantan, semalam.



ketara selepas empat minggu dan usaha melandaikan keluk jangkitan dijangka dapat dicapai pada Mei atau Jun. Sementara itu, KKM mempertingkatkan fasiliti kesihatan bagi menampung bilangan pesakit Covid-19 yang bertambah ramai, antaranya menubuhkan Hospital Bersepadu di Maeps yang akan beroperasi 24 Januari ini hasil kerjasama pelbagai agensi lain.

Sebanyak 14 lagi hospital Covid-19 dibuka di Johor, Terengganu, Kelantan, Pahang, Selangor, Kedah, Sabah dan Sarawak untuk menempatkan pesakit tahap 3, 4 dan 5 dengan keseluruhan 539 katil.

Bagi mengurangkan kesesakan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC), pesakit tahap 1 dan 2 yang memenuhi syarat selepas penilaian risiko, dibenarkan menjalani kuarantin di rumah. KKM mengumumkan sehingga 21 Januari 2021, terdapat 701 kluster termasuk 16 kluster yang dilaporkan hari ini.

Sebanyak 374 kluster diisytihar tamat sementara 327 kluster masih aktif dan dipantau. Daripada jumlah



SUASANA lengang di Pasar Payang, Kuala Terengganu berikutan pengiktirafan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlaku semalam hingga 4 Februari depan.

Petaling Jaya. Sebanyak 56 kes positif dikesan.

Terdapat satu kluster iaitu Kluster Kampung Balibata melibatkan majlis pengkembuman dan kenduri tahli dilaporkan di Kampung Balibata, Beaufort, Sabah. Semua 35 individu yang disaring disahkan positif Covid-19.

Satu kluster pusat tahaman dilaporkan pada 19 Januari dan melibatkan daerah Sibu dan Mukah di Sarawak. Kes positif dikesan pada 7 Januari 2021 hasil saringan rentas negeri. Ia melibatkan seorang wanita yang kembali dari Johor untuk menghadiri pengkembuman bapanya di Pasai Siong. Sebanyak 38 kes positif dikesan diumumkan pada 7 Januari. Setakat 21 Januari, kluster ini merekodkan 981 kes.

Berdasarkan laporan KKM, sepanjang tempoh rangkuman mingguan (16 Januari-21 Januari), Kluster Tempat Kerja (KTK) melibatkan tapak binaan, kilang dan syarikat begitu ketara di samping kluster yang dikesan akibat majlis perjumpaan keluarga dan acara pengkembuman dan juga di pusat tahanan.

Untuk rekod, jumlah kluster baharu sepanjang 16-21 Januari adalah 6 kluster (16 Januari), 10 kluster (17 Januari), 9 kluster (18 Januari), 9 kluster (19 Januari), 16 kes (20 Januari) dan 16 kluster (21 Januari).

Pada 20 Januari, daripada 16 kluster baharu, 11 adalah KTK dan 11 KTK juga direkodkan pada 21 Januari yang turut mencatat 16 kluster baharu.

Antara KTK dilaporkan pada 20 Januari adalah Kluster Tapak Bina Jalan Abdul Aziz melibatkan daerah Petaling, Selangor, hasil saringan bersasar di tapak binaan di Jalan Dato Abdul Aziz Seksyen 19,

Kluster Seri Bayu dan satu (1) kes import.

Sabah mempunyai 401 kes dan dua kluster baharu iaitu Kluster Ladang Sebrang dan Kluster Silimpopon dan satu (1) kes import, Perak telah dilaporkan 245 kes dan tiga kluster baharu iaitu Kluster Taman Sejahtera, Kluster Jalan Slim dan Kluster Kota Muhibbah, Pulau Pinang mencatat 171 kes dan satu kluster baharu, Kluster Mandin Jaya, Kedah merekod 156 kes dan dua kluster baharu, Kluster Orion dan Kuster Gunung Raya.

Kelantan mencatat 135 kes, Sarawak 132 kes, Melaka 106 kes, Negeri Sembilan 102 kes, Terengganu 57 kes dan melaporkan satu kluster baharu, Kluster Kampung Tanah Merah, Pahang 48 kes, WP Putrajaya 33 kes, WP Labuan 32 kes dan Perlis lapan (8) kes.

Sementara itu, KKM melaporkan sehingga 21 Januari 2021, 2,490 kes sembah, menjadikan jumlah kumulatif kes sembah sepenuhnya 130,152 (75.4 peratus).

Sementara itu, 260 pesakit Covid-19 dirawat di Unit Rawatan

Rapi di mana 103 kes memerlukan bantuan pernafasan.

KKM pada 21 Januari mengumumkan 12 kes kematian menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia sebanyak 642 kes (0.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Satu kluster pusat tahaman dilaporkan pada 19 Januari dan melibatkan daerah Sibu dan Mukah di Sarawak. Kes positif dikesan pada 7 Januari 2021 hasil saringan rentas negeri. Ia melibatkan seorang wanita yang kembali dari Johor untuk menghadiri pengkembuman bapanya di Pasai Siong. Sebanyak 38 kes positif dikesan diumumkan pada 7 Januari. Setakat 21 Januari, kluster ini merekodkan 981 kes.

Berdasarkan laporan KKM, sepanjang tempoh rangkuman mingguan (16 Januari-21 Januari), Kluster Tempat Kerja (KTK) melibatkan tapak binaan, kilang dan syarikat begitu ketara di samping kluster yang dikesan akibat majlis perjumpaan keluarga dan acara pengkembuman dan juga di pusat tahanan.

Untuk rekod, jumlah kluster baharu sepanjang 16-21 Januari adalah 6 kluster (16 Januari), 10 kluster (17 Januari), 9 kluster (18 Januari), 9 kluster (19 Januari), 16 kes (20 Januari) dan 16 kluster (21 Januari).

Pada 20 Januari, daripada 16 kluster baharu, 11 adalah KTK dan 11 KTK juga direkodkan pada 21 Januari yang turut mencatat 16 kluster baharu.

Antara KTK dilaporkan pada 20 Januari adalah Kluster Tapak Bina Jalan Abdul Aziz melibatkan daerah Petaling, Selangor, hasil saringan bersasar di tapak binaan di Jalan Dato Abdul Aziz Seksyen 19,